

BULETIN JSG

Buletin Jabatan Sains Gunaan,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



KUALITI | AKADEMIK | PROGRAM | AKTIVITI

ISSN 2289-8964



9 772289 896001

Bil 1 2024 | ISSN 2289-8964

INOVASI PEMBELAJARAN

Nurul Izza & Noorezal Atfyinna

Sepanjang tahun 2023, para pensyarah JSG telah memperoleh prestasi cemerlang dalam dunia inovasi pengajaran dan pembelajaran. Kejayaan mereka terpancar melalui pelbagai penarafan yang diperoleh dalam pertandingan inovasi antarabangsa, termasuk ITaLiiC 2023 dan PIID 2023. Inovasi-inovasi P&P yang dihasilkan mencerminkan kesungguhan dan keberkesanan dalam memajukan pendidikan terutamanya sains dan teknologi. Berikut adalah beberapa inovasi P&P yang telah meraih pengiktirafan tinggi:



Chem-Xplorace: Racing to Unlock the Exciting World of Chemistry – GOLD (ITaLiiC 2023)

Inovasi ini menghadirkan pengajaran kimia secara santai dan berinovatif, membuka mata pelajar kepada dunia kimia yang mendalam dan mengujakan.



Physics Brain Booster On The Go – GOLD (ITaLiiC 2023)

Inovasi pembelajaran moden ini memanfaatkan teknologi untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang mudah diakses dan dinamik.



Flip Kit Free Body Diagram (FK-FBD): Physics Learning Tools - GOLD (ITaLiiC 2023), Bronze (PIID2023)

FK-FBD menjadi alat pembelajaran fizik yang kreatif dan interaktif, memenangi GOLD dalam italiic dan BRONZE dalam PIID2023. Alat ini menyampaikan konsep-konsep fizik dengan cara yang menyeronokkan dan efektif.

Dalam era moden yang berteraskan teknologi ini, diharapkan penerapan inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dapat mempersiapkan pelajar untuk menghadapi cabaran dan mencapai kejayaan. Teruskan menyokong usaha kami di JSG untuk membentuk masa depan pendidikan yang lebih cerah dan dinamik. Semoga usaha ini dapat membuka pintu ke arah pembelajaran yang lebih baik dan bermakna!

